**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

**08 JULAI 2021**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **279 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **71,468 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Semporna, Lahad Datu dan Beaufort. Takziah di ucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 203 menjadikan jumlah kumulatif 68,739 orang. Seramai 1,760 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 384 orang di hospital, 1,230 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 146 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 58 orang dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| PITAS | 128 | 0 |
| KOTA KINABALU | 47 | 0 |
| SANDAKAN | 16 | 0 |
| BEAUFORT | 15 | 1 |
| TAWAU | 14 | 0 |
| PUTATAN | 13 | 0 |
| KINABATANGAN | 8 | 0 |
| KOTA BELUD | 7 | 0 |
| PENAMPANG | 6 | 0 |
| TONGOD | 6 | 0 |
| KUDAT | 4 | 0 |
| KUALA PENYU | 4 | 0 |
| TUARAN | 4 | 0 |
| SEMPORNA | 3 | 1 |
| KOTA MARUDU | 3 | 0 |
| KALABAKAN | 1 | 0 |
| LAHAD DATU | 0 | 1 |
| PAPAR | 0 | 0 |
| KENINGAU | 0 | 0 |
| KUNAK | 0 | 0 |
| NABAWAN | 0 | 0 |
| TAMBUNAN | 0 | 0 |
| RANAU | 0 | 0 |
| TENOM | 0 | 0 |
| TELUPID | 0 | 0 |
| SIPITANG | 0 | 0 |
| BELURAN | 0 | 0 |
| JUMLAH | 279 KES | 03 KES |



Daerah Kalabakan dan Kinabatangan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

5 Analisa Harian Catatan COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

Jumlah kes positif Covid-19 Sabah pada hari ini ialah **279** kes iaitu peningkatan 35 kes berbanding 244 kes semalam (7 Julai 2021).

ii. **Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam**

**a. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

**Lapan (8)** daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (07 Julai 2021) iaitu:

- Pitas 128 kes, peningkatan (+111) kes
- Sandakan 16 kes, peningkatan (+10) kes
- Kinabatangan lapan (8) kes, peningkatan (+7) kes
- Putatan 13 kes, peningkatan (+7) kes
- Tongod enam (6) kes, peningkatan (+6) kes
- Penampang enam (6) kes, peningkatan (+4) kes
- Kota Marudu tiga (3) kes, peningkatan (+3) kes
- Tuaran empat (4) kes, peningkatan (+1) kes

**b. Daerah yang mencatatkan penurunan kes**

**13** daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (07 Julai 2021) iaitu:

- Kudat empat (4) kes, penurunan (-49) kes
- Kota Belud tujuh (7) kes, penurunan (-15) kes
- Lahad Datu sifar (0) kes, penurunan (-10) kes
- Kota Kinabalu 47 kes, penurunan (-9) kes
- Tawau 14 kes, penurunan (-8) kes
- Papar sifar (0) kes, penurunan (-7) kes
- Beaufort 15 kes, penurunan (-5) kes

- Semporna tiga (3) kes, penurunan (-3) kes
- Kuala Penyu empat (4) kes, penurunan (-3) kes
- Kalabakan satu (1) kes, penurunan (-2) kes
- Kunak sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Nabawan sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Keningau sifar (0) kes, penurunan (-1) kes

**c. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes**

**11** daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Telupid
- Lahad Datu
- Kunak
- Ranau
- Papar
- Sipitang
- Tenom
- Nabawan
- Keningau
- Tambunan

iii Setakat ini, Daerah Zon Hijau hanya tinggal (1), dan dengan jumlah catatan sebanyak (57) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

iv **Punca mempengaruhi bilangan kes COVID-19 hari ini**

Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 57 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 182 kes adalah daripada Saringan Kluster
- 23 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 10 kes daripada Saringan Bersasar
- Tujuh (7) kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

a) **Daerah Pitas (128) kes berpunca daripada:**

- 126 kes daripada Saringan Kluster Tanjung Pitas
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

b) **Kes Daerah Kota Kinabalu (47) kes berpunca daripada**:

- Saringan Kluster sebanyak (28) kes daripada empat (4) kluster iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (14) kes, Kluster Agora Borneo empat (4) kes, Kluster Jalan Kayu Madang satu (1) kes dan Kluster Bahtera Barat sembilan (9) kes.
- Tujuh (7) kes daripada Saringan Bersasar
- Enam (6) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Enam (6) kes daripada Saringan Bergejala

c) **Daerah Sandakan (16) kes berpunca daripada:**

- Dua (2) kes daripada Saringan Kluster Istimewa 2
- 13 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

d) **Daerah Beaufort (15) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster sebanyak enam (6) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Lumadan dua (2) kes dan Kluster Limbawang empat (4) kes.
- Enam (6) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala

e) **Daerah Tawau (14) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster sebanyak lapan (8) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Serundung Baru tujuh (7) kes dan Kluster Tembok Tawau satu (1) kes.
- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

f) **Daerah Putatan (13) kes berpunca daripada:**

- 10 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala

g) **Daerah Kinabatangan lapan (8) kes berpunca daripada:**

- Lima (5) kes daripada Saringan Kluster Paris Tiga
- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

h) **Daerah Kota Belud tujuh (7) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) Saringan Kluster Nahaba
- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala

i) **Daerah Tongod enam (6) kes berpunca daripada:**

- Enam (6) kes daripada Saringan Kontak Rapat

j) **Daerah Penampang enam (6) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bersasar

k) **Daerah Tuaran empat (4) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) kes daripada Saringan Kluster Jalan Kayu Madang
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

l) **Daerah Kudat empat (4) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

m) **Daerah Kuala Penyu empat (4) kes berpunca daripada:**

- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat

n) **Daerah Semporna tiga (3) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

o) **Daerah Kota Marudu tiga (3) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) kes daripada Saringan Kluster Tanjung Pitas

p) **Daerah Kalabakan satu (1) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat

v Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Istimewa Dua - Sandakan** melibatkan jangkitan dalam komuniti di lokaliti Kg. Istimewa, Sandakan. Sebelum ini, Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan pernah melaporkan kejadian kluster di kampung yang sama pada 14 November 2020. Pada kali ini, kes indeks merupakan lelaki, 48, dikesan positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 25 Jun 2021 di Klinik Kesihatan Sandakan. Saringan yang dijalankan terhadap 261 kontak mendapati 27 orang disahkan positif termasuk dua (2) kes baharu, sementara 229 orang didapati negatif dan lima (5) orang lagi masih menunggu keputusan. Pengesanan kontak rapat dan siasatan lanjut masih giat dijalankan.

ii **Kluster Lumadan - Beaufort** melibatkan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan ahli keluarga dan rakan sekerja dari pelbagai lokaliti berbeza di sekitar Mukim Lumadan. Kes indeks adalah lelaki, 19, disahkan positif COVID-19 melalui ujian RTK-Ag 100% di Klinik Subha Beaufort pada 29 Jun 2021, selepas bergejala demam dan batuk sejak 24 Jun 2021. Hasil saringan kontak rapat, sembilan (9) ahli keluarga dan jiran didapati positif. Berdasarkan siasatan, kegagalan mematuhi SOP dan penjarakan fizikal semasa aktiviti permainan atas talian (online gaming) dalam kalangan belia dikenal pasti menjadi punca penularan. Bermula dari 29 Jun 2021 hingga 08 Julai 2021, terdapat 46 kes termasuk dua (2) kes baharu hari ini daripada 110 saringan yang dijalankan. Kadar positif adalah sebanyak 41.81 %.

7 Jumlah kapasiti katil 4,108 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,072 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 330 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 42.84%.

## B PENINGKATAN KES COVID-19 DAERAH PITAS

1 Peningkatan kes agak ketara berlaku di Daerah Pitas yang merekodkan 128 kes pada hari ini berbanding hanya 17 kes kelmarin.

2 Daripada 128 kes tersebut, sebanyak (126) kes berpunca daripada Saringan Kluster Tanjung Pitas dan (2) lagi berpunca dari lain-lain saringan.

3 Kluster Tanjung Pitas disyaki berpunca daripada aktiviti majlis pengkebumian di sebuah kampung dan juga kebarangkalian pergerakan antara Pulau Banggi dan Pitas yang menyumbang kepada jangkitan melibatkan ramai penduduk.

## C SOP BAGI DUA PKPD DI SABAH

i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di 4 Perkampungan Pulau Gaya, Kota Kinabalu seperti di **LAMPIRAN A.**

ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Seri Menanti, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

## D PKPD KAMPUNG MANGKUBAU LAUT, PITAS

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Mangkubau Laut, Pitas.

2 Sehingga kini, KKM telah merekodkan 11 kes positif COVID-19 selepas 70 individu menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Mangkubau Laut, Pitas, Sabah berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## E PKPD LADANG SABAH MAS DIVISION SEGAMA, LAHAD DATU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Ladang Sabah Mas Division Segama, Lahad Datu.

2 KKM telah merekodkan 14 kes positif COVID-19 selepas 20 individu menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Mas Division Segama, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## F PKPD FELDA UMAS 1, 3 & 4, KALABAKAN

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Felda Umas 1, 3 & 4, Kalabakan.

2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 29 ujian saringan dan 14 daripadanya dilaporkan positif COVID-19. KKM mendapati trend kes telah meningkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Umas 1, 3 & 4, Kalabakan berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan mengawal pergerakan penduduk sekali gus mengekang penularan jangkitan ke komuniti lain.

## G PKPD FASA 4B, TAMAN BUKIT SEPANGGAR, KOTA KINABALU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Fasa 4B, Taman Bukit Sepanggar, Kota Kinabalu.

2 Hasil pemantauan yang dilakukan oleh KKM mendapati berlaku peningkatan kes dan setakat ini sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan di lokaliti tersebut.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Fasa 4B, Taman Bukit Sepanggar, Kota Kinabalu, berkuat kuasa 10 Julai sehingga 23 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## H PENAMATAN PKPD KAMPUNG MUHIBBAH, MENGGATAL, KOTA KINABALU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 09 Julai 2021.

2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 329 ujian saringan dan 38 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

3 KKM juga mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu pada 09 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## I PENAMATAN PKPD FLAT INDAH JAYA, SANDAKAN

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Indah Jaya, Sandakan yang dijadualkan tamat pada 09 Julai 2021.

2 KKM telah melakukan 516 ujian saringan dan 13 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

3 Pada masa sama, KKM juga mendapati trend telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Flat Indah Jaya, Sandakan pada 09 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## J STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **294** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 63,358 orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **36** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 57,061 orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **7,539** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 336,035 orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **5,788** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 204,741 orang.

5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 4,941 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 922,777 (mysejahtera 843,715 : laman web 78,764 : talian vaksinasi 298) bersamaan 33.5%.

## K BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **316,230** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## L LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 116 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 50,455 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 278 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiga (3) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 28 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Satu (1) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
- Tiga (3) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 17 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Empat (4) Orang : Majikan Gagal Memastikan Kapasiti Kehadiran Pekerja
- Tiga (3) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 85 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 1,674 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

ii Sebanyak tiga belas (13) notis peringatan dikeluarkan iaitu dua (2) di daerah Penampang, sembilan (9) di daerah Telupid dan dua (2) di daerah Kinabatangan.

iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 117 premis perniagaan dan 232 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 310 Premis Perniagaan melibatkan 220 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 73 anggota di 97 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.

8 Sejumlah 217 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 88 hebahan di seluruh Sabah.

## M KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 pada hari ini ialah **95.7%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kunak | 96.5% |
| 2 | Tenom | 96.5% |
| 3 | Semporna | 96% |
| 4 | Sipitang | 96% |
| 5 | Keningau | 96% |
| 6 | Beluran | 96% |
| 7 | Kota Marudu | 96% |
| 8 | Beaufort | 96% |
| 9 | Papar | 96% |
| 10 | Ranau | 96% |
| 11 | Kinabatangan | 96% |
| 12 | Tuaran | 95.5% |
| 13 | Sandakan | 95.5% |
| 14 | Penampang | 95.5% |
| 15 | Tawau | 95% |
| 16 | Kudat | 95% |
| 17 | Kota Belud | 95% |
| 18 | Lahad Datu | 95% |
| 19 | Kota Kinabalu | 95% |

2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**LAMPIRAN A**

Dikemaskini pada 7 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 4 PERKAMPUNGAN PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan 4 Perkampungan Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah iaitu:<br>i. Kg Kasuapan;<br>ii. Kg Lok Urai;<br>iii. Kg Pulau Gaya; dan<br>iv. Kg Pondo |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 8 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 21 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |



Dikemaskini pada 7 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 4 PERKAMPUNGAN PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

Dikemaskini pada 7 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI 4 PERKAMPUNGAN PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN B**

Dikemaskini pada 7 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SERI MENANTI, TAWAU, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Kg. Seri Menanti, Tawau, Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 8 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 21 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |



Dikemaskini pada 7 Julai 2021

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SERI MENANTI, TAWAU, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

Dikemaskini pada 7 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SERI MENANTI, TAWAU, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |